



Ruj. Kami : JANM.LMBG.600-1/2/23(5)

Tarikh : 03 November 2023

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,  
Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri,  
Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pusat Terimaan,  
Limbang dan Lawas.

Tuan / Puan,

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI BAGI VOT, TERIMAAN DAN DEPOSIT**

- TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN (SPANM BIL. 3 TAHUN 2019)
- GARIS PANDUAN PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT TERIMAAN (SPANM BIL. 1 TAHUN 2023)
- TATACARA PENYELENGGARAAN DAN SEMAKAN LAPORAN (SPANM BIL.5 TAHUN 2023)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, terdapat perubahan bagi penyediaan Sijil Pengesahan Baki selaras dengan SPANM yang telah dinyatakan. Di samping itu, merujuk kepada SPANM Bil.5/2023 menyatakan tafsiran Elektronik Sepenuhnya dan Elektronik dan Sistem Bayaran/Terimaan Agensi (Integrasi/Tidak Berintegrasi) seperti berikut:

**2.1 Elektronik Sepenuhnya**

- 2.1.1 Merujuk kepada PTJ dan AO yang menggunakan sistem perakaunan yang sama dari mula proses kemasukan data perakaunan hingga kepada penyediaan laporan dilakukan sepenuhnya dalam satu (1) sistem;
- 2.1.2 Baki di AO dan PTJ merujuk kepada laporan yang sama kerana transaksi perakaunan dilakukan dalam satu (1) *server* dan dikemas kini pada masa nyata (*real time*); dan
- 2.1.3 PTJ dan AO boleh terus mengakses laporan yang sama pada bila-bila masa, harian atau bulanan.
- 2.1.4 Persekitaran elektronik sepenuhnya juga dirujuk sebagai persekitaran elektronik bersepadu dalam Arahan Perbendaharaan.
- 2.1.5 Selaras dengan AP143(b), PTJ hanya perlu membuat semakan laporan dan mengesahkan baki akaun Vot, Hasil dan Amanah sahaja.

**2.2 Elektronik dan Sistem Bayaran/Terimaan Agensi (Integrasi/Tidak Berintegrasi)**

- 2.2.1 PTJ yang menggunakan sistem agensi sama ada dalam keadaan sistem Agensi berintegrasi atau tidak berintegrasi dengan iGFMAS; dan AO menggunakan iGFMAS.

2.2.2 PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan iGFMS dan laporan sistem agensi adalah tepat dan betul.

2.2.3 Selaras dengan AP143(c), PTJ hanya perlu membuat semakan laporan dan menyediakan penyesuaian akaun Vot, Hasil dan Amanah.

Bil	Rujukan	Lampiran yang Berkaitan
1	<b>SPANM BIL.3/2019 TATACARA PENGURUSAN TERIMAAN</b>	LAMPIRAN F7 : Sijil Pengesahan Baki Akaun Hasil.  LAMPIRAN F7(a) : Perbandingan Terimaan laporan Buku Tunai Cerakinan Dan Laporan Hasil Mengikut Kod Akaun  LAMPIRAN F7(b) : Daftar Semakan Laporan Kewangan Dan Perakaunan – Terimaan
2	<b>SPANM BIL. 1/2023 LAMPIRAN A : GARIS PANDUAN PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT TERIMAAN  LAMPIRAN B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT BAYARAN</b>	LAMPIRAN A8 : Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit Terimaan (Persekitaran elektronik Sepenuhnya)  LAMPIRAN A9 : Sijil Penyesuaian Baki Akaun Deposit Terimaan (Persekitaran Separa Elektronik)  LAMPIRAN B1 : Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit Bayaran (Persekitaran Separa Elektronik)
3	<b>SPANM BIL.5/2023 LAMPIRAN K : GARIS PANDUAN TATACARA PENYELENGGARAAN DAN SEMAKAN LAPORAN</b>	LAMPIRAN K3 : Sijil Pengesahan Baki (Persekitaran elektronik Sepenuhnya)  LAMPIRAN K3(a) : Senarai Baki Mengikut Laporan Vot  LAMPIRAN K3(b) : Rekod Pelarasan Vot LAMPIRAN K3(c) : Daftar Semakan laporan Kewangan dan Perakaunan – Bayaran.  LAMPIRAN K5 : Sijil Pengesahan Baki (Persekitaran elektronik dan Sistem Bayaran Agensi (Integrasi /Tidak Berintegrasi) Dengan iGFMS  LAMPIRAN K5(a) : Penyata Penyesuaian Vot  LAMPIRAN K5(b) : Senarai A , Senarai B, Senarai C, Senarai D

Ruj. Kami : JANM.LMBG.600-1/2/23(5)

Tarikh : 03 November 2023

3. Oleh yang demikian, diminta tuan/puan untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot / Sijil Pengesahan Baki Deposit dan Sijil Pengesahan Baki Akaun Hasil/Terimaan kepada pejabat ini selewat-lewatnya **14 haribulan bulan berikutnya**. Bagi Sijil Pengesahan Baki Vot dan Sijil Pengesahan Baki Deposit hendaklah menggunakan Lampiran yang baharu berserta dengan laporan-laporan berkaitan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan mulai bulan Oktober 2023. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Unit Akaun di talian 085-212355.

4. Perhatian dan kerjasama tuan/puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,

( **HARISAH BINTI MOHAMED** )

b.p Pengarah Cawangan,  
JANM Cawangan Limbang.